



Ruj. Kami : JPPH : B2 BP 175/665/2/20/1 Jld. 4 ( )  
Tarikh : 8 September 2011

**SEMUA KETUA JABATAN PERSEKUTUAN/NEGERI**

Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

1. (a) Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)  
(b) Jabatan : Institut Penilaian Negara (INSPEN),  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta  
(c) Tempoh : 3 bulan (jawatan sambilan)
2. Kadar Upah : RM100.00 hari (tempoh bekerja adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat)  
Ketua Jabatan dan PSH akan mencarum dalam Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut peraturan yang berkuatkuasa.
3. Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 26 tahun pada tarikh iklan tutup;
  - (c) Memiliki :
    - i. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
    - atau
    - ii. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*Perkhidmatan Bermilai Komitmen Kami*

- (d) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (e) Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan.
4. Taraf Jawatan : Sambilan
5. Cara Memohon : Borang Permohonan Jawatan Kosong boleh didapati daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (<http://www.inspen.gov.my>)
6. Permohonan hendaklah dihantar pada atau **sebelum 20 September 2011** ke alamat berikut :

**Pengarah INSPEN  
Institut Penilaian Negara (INSPEN)  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta  
Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5, Persiaran Institusi Bangi  
43000 Kajang  
Selangor  
(u.p. : Unit Pentadbiran & Sumber Manusia)**

7. Permohonan hendaklah sertakan dengan salinan semua sijil bagi kelayakan yang disyaratkan dan sekeping gambar berukuran passport.
8. Jabatan ini tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.
9. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



**( SHAMSIAH BINTI AJMAIN )**  
Timbalan Pengarah (Pengurusan)  
b.p. Pengarah INSPEN  
Institut Penilaian Negara  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta  
Kementerian Kewangan Malaysia